



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Semua Warga LGM
Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/KP/KUPSM/027
Tarikh : 3 Januari 2020

**KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 1 TAHUN 2020**

PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN CUTI DAN APLIKASI SISTEM e-CUTI LGM

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Terdapat keperluan untuk pemantapan pengurusan cuti pendek dan sistem e-Cuti. Ini berikutan dengan semakin ramai Pegawai dan Pengkhidmat LGM yang memohon cuti pendek dan cuti kecemasan selepas tempoh bercuti.
3. Tindakan Pegawai dan Pengkhidmat tersebut menyebabkan rekod cuti dalam sistem e-Cuti tidak berdasarkan kelayakan terkini dan semasa. Rekod yang tidak terkini menyumbang kepada keadaan pengambilan cuti melebihi kelayakan.
4. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan LGM Bil.9/2019 bersetuju mengenai pemantapan pengurusan cuti dan penambahbaikan sistem e-Cuti.
5. Pemantapan pengurusan cuti dan penambahbaikan sistem e-Cuti adalah seperti berikut :

i. CUTI PENDEK

- a) Cuti pendek **Wajib** dimaklumkan kepada Ketua/Penyelia.
- b) Kemudahan cuti pendek boleh dipohon minimum satu (1) jam dan maksimum sehingga empat (4) jam sehari.
- c) Jumlah cuti akan ditolak satu (1) hari cuti rehat apabila jumlah terkumpul cuti pendek bersamaan lapan (8) jam (secara automatik di sistem e-Cuti).
- d) Cuti Pendek Waktu Pagi tidak dibenarkan untuk mengatasi masalah kedatangan lewat. Pengecualian boleh diberikan untuk Cuti Pendek Waktu Pagi bagi urusan kecemasan seperti kemalangan kecil, kerosakan kenderaan, sakit, terperangkap dalam hujan lebat dan sebab lain yang munasabah. Permohonan perlu disertakan dokumen sokongan seperti laporan polis atau gambar tempat kejadian.

- e) Cuti pendek dibenarkan terhad kepada tiga (3) kali sebulan termasuk cuti pendek bagi urusan kecemasan waktu pagi.
- f) Tidak digalakkan mengambil Cuti Pendek pada hari Khamis (bagi negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor) dan pada hari Jumaat (bagi lain-lain negeri). Bagaimanapun jika terdapat keperluan mendesak, cuti pendek;
 - i. Hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan Ketua
 - ii. Dihadkan samada diambil pada waktu pagi atau petang sahaja

- g) **Cuti Pendek tidak boleh diambil secara bersambung melangkaui waktu rehat.** Contoh : Tidak boleh mengambil cuti pendek bagi tempoh jam 11.30 pagi sehingga 4.30 petang (melangkaui waktu rehat).

Bagaimanapun, kelonggaran diberi untuk Kebenaran Meninggalkan Pejabat Dalam Waktu Bekerja Maksimum Empat (4) Jam Terhad Kepada Sebulan Sekali – Mematuhi Waktu Bekerja, boleh diambil secara bersambung melangkaui waktu rehat. Kebenaran Meninggalkan Pejabat Dalam Waktu Bekerja Maksimum Empat (4) Jam Terhad Kepada Sebulan Sekali ini mesti dipohon sebelum diambil dan wajib dimaklumkan kepada Ketua/Penyelia

(Peraturan ini hendaklah dibaca bersama dengan Kenyataan UPSM Bil. 25/2018 dan Kenyataan UPSM Bil.32/2018)

- h) Cuti pendek hendaklah dipohon dalam sistem e-Cuti pada tarikh yang sama hari bercuti;
- i) Jika cuti pendek gagal dipohon pada hari yang sama, maka pegawai dan pengkhidmat dianggap cuti rehat pada tarikh berkenaan dan perlu memohon cuti rehat tahunan. Jika tiada permohonan cuti rehat diterima, maka kerani cuti akan menolak cuti rehat tahunan.

Jika cuti rehat tahunan telah habis digunakan, maka pegawai dan pengkhidmat dianggap tidak hadir bertugas tanpa kebenaran dan tindakan pemotongan emolumen akan dilaksanakan.

ii. CUTI REHAT ATAS SEBAB KECEMASAN

- a) Cuti rehat atas sebab kecemasan hendaklah dipohon dalam sistem e-Cuti pada tarikh yang sama hari bercuti. Pegawai wajib memaklumkan Ketua/Penyelia mengenai ketidakhadiran.
- b) Jika cuti rehat atas sebab kecemasan tidak dipohon pada hari yang sama, maka pegawai dan pengkhidmat dianggap tidak hadir bertugas tanpa kebenaran dan tindakan pemotongan emolumen akan dilaksanakan.

iii. **APLIKASI SISTEM e-CUTI**

- a) Sistem menetapkan cuti pendek tidak boleh dipohon selain dari tarikh cuti pendek.
- b) Sistem tidak membenarkan cuti pendek dipohon melebihi 3 kali dalam bulan yang sama.
- c) Sistem menetapkan cuti rehat tidak boleh dipohon lewat dari tarikh cuti rehat bermula.

6. Sehubungan itu, penambahbaikan pengurusan cuti dan Aplikasi Sistem e-Cuti ini berkuatkuasa mulai tarikh kenyataan ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
”KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”**



(IRWAN HARIS BIN ZAINAL ABIDIN)

s.k. Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)
Pengarah-Pengarah Bahagian